

139 lokasi di KL dikenal pasti kawasan pembangunan semula

PSKL2040 pacu pembangunan strategik, persekitaran lebih menarik ibu negara

Kuala Lumpur: Terdapat 139 lokasi yang dikenal pasti sebagai kawasan pembangunan semula di ibu kota hingga 2040, menurut dokumen Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040).

Pembangunan semula itu

membabitkan kawasan *brownfield* dengan penggunaan yang kurang ekonomik, kawasan industri lama serta kawasan berpotensi daripada hasil pelaburan infrastruktur transit dan pemuliharaan sungai, bagi mewujudkan persekitaran lebih menarik di Kuala Lumpur.

Dokumen PSKL2040 menyatakan kawasan pembangunan semula di sekitar zon transit akan mempunyai intensiti yang lebih tinggi daripada kawasan yang lain serta perlu sesuai dengan persekitarannya.

Zon guna tanah pembangunan semula di sekitar kawasan transit berkenaan digalakkan untuk aktiviti pembangunan bercampur bagi meningkatkan persekitaran yang lebih bersepadu.

“Terdapat beberapa zon tran-

sit dikenal pasti sebagai kawasan pembangunan semula, iaitu Federal Cable, Jalan Berangan, Jalan Kenanga, Jalan Tiong Nam, Jalan Haji Taib, Jalan Alor, Jalan Raja Bot, Jalan Rahmat, Jalan Melayu-Jalan Masjid India, Jalan Raja Laut, Jalan Petaling, Jalan Inai, Jalan Maharajalela dan Jalan Talalla,” menurut dokumen itu.

Pembangunan mampan

Dokumen PSKL2040 menyatakan pembaharuan semula bagi kawasan *brownfield* bertujuan mewujudkan pembangunan yang mampan dan berdaya huni dengan antara kawasan *brownfield* dikenal pasti ialah perumahan awam dan swasta lama, pasar, penjaja kecil dan medan selera, perumahan lama serta

industri dan komersial lama.

“Perancangan bagi kawasan pembaharuan semula bandar ini perlu menyediakan pelan reka bentuk bandar yang terperinci bagi memandu reka bentuk bangunan dan persekitaran alam bina yang lebih bersepadu, inklusif dan rendah karbon,” menurut dokumen berkenaan.

Dokumen PSKL2040 turut menyatakan pemuliharaan bandar dan bangunan lama yang tidak diguna sebaiknya perlu diberi suntikan baharu supaya dapat mengaktifkan semula kawasan serta fungsi bangunan itu.

“Melalui pemuliharaan bandar, ia akan mengurangkan tekanan pembangunan serta kadar perubahan fizikal kepada kawasan yang mempunyai nilai sosial, persekitaran dan sejarah

yang khas dan unik.

“Bangunan lama di kawasan berkenaan pula perlu digalakkan untuk digunakan semula daripada terus dibiarkan usang, tidak dijaga dan tidak aktif bagi mencerminkan identiti bandar yang lebih berkualiti,” menurut dokumen itu.

Kawasan yang mempunyai bangunan berpotensi untuk diaktifkan semula ialah Medan Pasar, Jalan Tangsi, Stesen Kereta Api Kuala Lumpur dan Pasar Sungai Besi.

Diwartakan pada 19 Oktober 2023, PSKL2040 kini menggantikan PSKL2020 sebagai dokumen perancangan masa hadapan Kuala Lumpur dalam memacu pembangunan strategik ibu negara secara indikatif hingga 2040. BERNAMA